



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SABTU, 2 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>BELANJAWAN PERAK 2024: PERUNTUKAN UNTUK RAKYAT DITINGKATKAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/637546/edisi/perak/belanjawan-perak-2024-peruntukan-untuk-rakyat-ditingkatkan">https://www.sinarharian.com.my/article/637546/edisi/perak/belanjawan-perak-2024-peruntukan-untuk-rakyat-ditingkatkan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2023/12/perak-tingkat-bantuan-golongan-marhaen-prasarana-rakyat/">https://www.utusan.com.my/terkini/2023/12/perak-tingkat-bantuan-golongan-marhaen-prasarana-rakyat/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=hqo3Z4_rbMg">https://www.youtube.com/watch?v=hqo3Z4_rbMg</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>MANGSA BANJIR MENINGKAT DI KELANTAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/mangsa-banjir-meningkat-di-kelantan/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/mangsa-banjir-meningkat-di-kelantan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-terengganu-pulih-jumlah-mangsa-meningkat-di-kelantan-448297">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-terengganu-pulih-jumlah-mangsa-meningkat-di-kelantan-448297</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>ROGOL ANAK ANGKAT DI KUALA SELANGOR, TAHAN DI JOHOR</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/rogol-anak-angkat-di-kuala-selangor-tahan-di-johor/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/rogol-anak-angkat-di-kuala-selangor-tahan-di-johor/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/01/gadis-dirogol-bapa-angkat-dua-minggu-berturut-turut/">https://malaysiagazette.com/2023/12/01/gadis-dirogol-bapa-angkat-dua-minggu-berturut-turut/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://selangorkini.my/2023/12/wanita-dirogol-bapa-angkat-dua-minggu-berturut-turut/">https://selangorkini.my/2023/12/wanita-dirogol-bapa-angkat-dua-minggu-berturut-turut/</a>	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

2/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>MAN PLEADS GUILTY TO ABANDONING 4 CHILDREN AT PERAK DISTRICT OFFICE</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/01/man-pleads-guilty-to-abandoning-4-children-at-perak-district-office/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/01/man-pleads-guilty-to-abandoning-4-children-at-perak-district-office/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/lelaki-mengaku-bersalah-abai-empat-anak/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/01/lelaki-mengaku-bersalah-abai-empat-anak/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1035981/bapa-didakwa-abaikan-4-anak">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1035981/bapa-didakwa-abaikan-4-anak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/lelaki-mengaku-bersalah-abai-empat-anak/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/lelaki-mengaku-bersalah-abai-empat-anak/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1183871/bapa-mengaku-salah-abaikan-4-anak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1183871/bapa-mengaku-salah-abaikan-4-anak</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=M64o_j2Q8_s">https://www.youtube.com/watch?v=M64o_j2Q8_s</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.melakahariini.my/bapa-mengaku-salah-abaikan-empat-anak-ditinggal-di-pondok-pengawal/">https://www.melakahariini.my/bapa-mengaku-salah-abaikan-empat-anak-ditinggal-di-pondok-pengawal/</a>	MELAKAHARIINI.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/01/bapa-mengaku-salah-abai-empat-anak/">https://malaysiagazette.com/2023/12/01/bapa-mengaku-salah-abai-empat-anak/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2249951">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2249951</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/01/father-pleads-guilty-to-abandoning-four-children-in-front-of-guardhouse-in-ipoh">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/01/father-pleads-guilty-to-abandoning-four-children-in-front-of-guardhouse-in-ipoh</a>	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

2/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PEMBANTU PENGURUSAN MURID TAK MENGAKU CABUL 6 MURID OKU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036013/pembantu-pengurusan-murid-tak-mengaku-cabul-6-murid-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036013/pembantu-pengurusan-murid-tak-mengaku-cabul-6-murid-oku</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/01/pembantu-pengurusan-murid-tidak-mengaku-amang-seksual-enam-pelajar-oku-di-serian">https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/01/pembantu-pengurusan-murid-tidak-mengaku-amang-seksual-enam-pelajar-oku-di-serian</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/12/01/serian-school-assistant-claims-trial-to-six-charges-of-sexually-assaulting-oku-students/">https://www.theborneopost.com/2023/12/01/serian-school-assistant-claims-trial-to-six-charges-of-sexually-assaulting-oku-students/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://suarasarawak.my/pembantu-pengurusan-tidak-mengaku-salah-cabul-6-murid-oku-guru-bebas-dengan-jaminan-polis/">https://suarasarawak.my/pembantu-pengurusan-tidak-mengaku-salah-cabul-6-murid-oku-guru-bebas-dengan-jaminan-polis/</a>	SUARASARAWAK.MY



## Belanjawan Perak 2024: Peruntukan untuk rakyat ditingkatkan

oleh SAIFULLAH AHMAD [Follow](#) 01 Disember 2023 03:58pm Masa membaca: 1 minit



Saarani bergambar sebaik selesai menyampalkan pembentangan Belanjawan 2024 Negeri Perak pada Jumaat. - Foto Bernama

IPOH - Belanjawan Negeri Perak 2024 menyaksikan peningkatan peruntukan membabitkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan infra.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, penerima Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Perak akan menerima bantuan bulanan RM400 pada tahun 2024 berbanding RM300 sebelum ini.

Menurutnya, kerajaan negeri juga bersetuju untuk menggunakan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan Isi Rumah 2023 iaitu RM1,198 sebulan sebagai syarat kelayakan bagi permohonan bantuan kewangan yang dikendalikan oleh JKJ.

"Sebagai komitmen berterusan kerajaan negeri untuk menyantuni rakyat yang terkesan dengan himpitan ekonomi terutamanya golongan sasaran B40, program Kad Perak Sejahtera bagi pembelian barangan keperluan asas keluarga akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun hadapan dengan peruntukan RM24 juta.

**"Sebagai langkah penambahbaikan, kadar tunai program kad bantuan makanan ini yang telah dinaikkan daripada RM80 kepada RM90 pada tahun 2023 akan ditingkatkan lagi kepada RM100 mulai tahun hadapan," katanya.**

Menurutnya, program Kad Perak Sejahtera itu dijangka akan memanfaatkan seramai 20,000 orang penerima.

Selain itu katanya, pelaksanaan Program Rumah Perakku Prihatin juga ditingkatkan kepada RM6 juta berbanding RM5 juta sebelum ini bagi menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah khusus kepada golongan B40 yang menetap dan bermastautin di Perak pada kadar siling RM100,000 bagi seunit rumah.

"Sejajar dengan keperluan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan prasarana rakyat, RM100 juta diperuntukkan kepada JKR (Jabatan Kerja Raya) bagi tujuan pembangunan iaitu peningkatan RM10 juta berbanding tahun 2023.

"Daripada jumlah tersebut, RM37.0 juta diperuntukkan untuk projek jalan dan jambatan manakala RM63.0 juta untuk projek bangunan," katanya.

Saarani berkata, kerajaan negeri turut memperkenalkan inisiatif baharu iaitu program Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan dana sebanyak RM1 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut meneruskan program Kedai Bergerak yang sejak sekian lama menjadi program yang sangat dekat dengan rakyat marhaen membabitkan peruntukan sebanyak RM0.82 juta.

Saarani berkata, elaun ketua kampung yang ditanggung kerajaan negeri juga dinaikkan sebanyak RM100 kepada RM300 seorang melibatkan implikasi kewangan bernilai RM1.9 juta.



## Mangsa banjir meningkat di Kelantan


Oleh mohd fikri | 1 Disember 2023, 4:18 pm



Keadaan banjir di Kelantan semakin memburuk apabila jumlah mangsa meningkat kepada 816 orang daripada 241 keluarga setakat 8 pagi ini, berbanding 795 orang daripada 235 keluarga malam tadi.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terdapat empat pusat pemindahan sementara (PPS) masih beroperasi di sekitar Kota Bharu, Pasir Mas dan Bachok.

Sementara itu, di Terengganu, keadaan banjir telah pulih sepenuhnya apabila PPS yang terakhir beroperasi iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Atas Tol, Kuala Terengganu ditutup pada 8 malam semalam.



## Rogol anak angkat di Kuala Selangor, tahan di Johor

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED | 1 Disember 2023, 10:14 am



Gambar hiasan

KUALA SELANGOR – Perbuatan hina seorang bapa yang tergamak merogol anak angkatnya selama dua minggu di Sungai Tengi Kanan, Tanjong Karang di sini, terbongkar selepas dicekup polis di Johor, baru-baru ini.

Kejadian malang itu menimpa gadis berusia 19 tahun berkenaan selepas menetap bersama suspek berusia 43 tahun pada 27 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Ramli Kasa berkata, penahanan suspek dilakukan selepas ibu mangsa berusia 41 tahun mengambil dan membawa gadis itu ke balai polis.


Jelas beliau, siasatan mendapati mangsa kali terakhir dirogol lelaki berkenaan kira-kir pukul 1 pagi.

"Suspek memasuki bilik mangsa lalu merogolnya dan ia berlaku dua minggu berturut-turut sejak gadis berkenaan tinggal bersama bapa angkatnya itu

"Mangsa kemudian dihantar ke Hospital Sungai Buloh dan pemeriksaan mengesahkan dia dirogol," katanya ketika dihubungi hari ini.

Tambah Ramli, suspek kemudian dilaporkan menghilangkan diri selepas kejadian.

"Namun, dia berjaya ditahan di sekitar Seri Alam, Johor pada 26 November lalu. Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 376 (B) Kanun Keseksaan," ujarnya. – KOSMO! ONLINE



TAJUK : DITUDUH LAKUKAN 6 AMNG SEKSUAL

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Dituduh lakukan 6 amang seksual

**Kota Samarahan:** Seorang pembantu pengurusan murid di sebuah sekolah di Serian dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Samarahan di sini, semalam atas enam pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua murid lelaki dan empat perempuan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah itu.


Johnatan Douglas Mang, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Shafiza Abdul Razak Treedy.

Shafiza kemudian menetapkan 8 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Beliau turut membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi setiap pertuduhan dengan dua penjamin tempatan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap dua murid lelaki berusia 12 dan 13 tahun dengan menyentuh kemaluan mereka di kelas PPKI sekolah berkenaan.

Tiga pertuduhan membabitkan murid perempuan berusia 11, 13 dan 14 tahun di lokasi sama, manakala satu lagi pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual ke atas seorang murid perempuan berusia 14 tahun.



TAJUK : LELAKI MENGAKU SALAH ABAI EMPAT ANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Lelaki mengaku salah abai empat anak



Kamarul Kamil dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)

**Ipoh:** Seorang bapa mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan mengabaikan empat anaknya berusia antara 10 bulan hingga 11 tahun, Oktober lalu.

Kamarul Kamil Abd Rifin, 33, menganggu dan membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pengabaian terhadap tiga anak lelakinya masing-masing berusia 11 tahun, tiga tahun dan 10 bulan serta seorang lagi anak perempuannya berusia enam tahun, pada jam 10.44 pagi di hadapan Kompleks Pejabat dan Kuarters Kerajaan di Kampung Gajah, pada 23 Oktober lalu.


Tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang melanggar Seksyen 33(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum denda mak-

simum RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Penganggu itu juga berdepan hukuman mengikut subseksyen akta sama yang boleh dikenakan hukuman melaksanakan khidmat masyarakat minimum 36 jam dan maksimum 240 jam secara agregat yang perlu dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah dan tertakluk kepada sebarang syarat ditetapkan mahkamah.

Mahkamah menetapkan 6 Februari tahun depan sebagai sebutan semula kes sementara lantikan peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Media sebelum ini melaporkan, empat beradik ditinggalkan di Kompleks Pentadbiran Perak Tengah, Kampung Gajah pada 23 Oktober lalu.



TAJUK : PERJUANGKAN HAK KANAK-KANAK JALANI HIDUP HARMONI, SELAMAT

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Perjuangkan hak kanak-kanak jalani hidup harmoni, selamat

Farah Umaina  
Najwa,  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

Seperti orang dewasa, kanak-kanak mempunyai hak untuk berkembang sepenuhnya dengan perlindungan dan perhatian. Kanak-kanak berhak hidup harmoni dan membesar dalam keluarga yang bahagia.

Bagaimanapun hak kanak-kanak ini tidak begitu difahami sepenuhnya oleh orang dewasa. Kerap kita membaca mengenai kematian kanak-kanak kerana kesilapan orang lain.

Malah hari ini dalam perang Palestin-Israel yang tidak dapat dipastikan hujungnya, ribuan kanak-kanak kehilangan nyawa. Ketika peperangan masuk hari ke-11 atau bersamaan 17 Oktober lalu, 940 kanak-kanak sudah terbunuh.

Perang atau tidak, hak kanak-kanak untuk hidup dan membesar dengan sebaiknya tidak boleh dinafikan. Hal ini turut digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang merangkumi hal berikut iaitu iklim yang selamat; udara dan air bersih, selain makanan sihat serta seimbang juga tempat tidak tercemar untuk menetap, belajar juga bermain.

Perkara seperti ini sangat penting untuk ditekankan. Misalnya aspek pemakanan sihat dan seimbang bagi menjamin pertumbuhan dan perkembangan optimum. Nutrien yang tidak mencukupi boleh membantutkan tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB), kira-kira 970,000 kanak-kanak berusia bawah 15 tahun dari Burkina Faso, Mali dan Niger terkesan teruk disebabkan kekurangan zat makanan. Itu belum dihitungkan dengan jumlah kanak-kanak yang berhadapan masalah dehidrasi teruk disebabkan peperangan.


## Beri didikan terbaik

Kanak-kanak adalah penerus bangsa dan umat pada masa akan datang. Sebagai kanak-kanak, mereka tidak mempunyai pilihan bagaimana seharusnya dibesarkan. Sebaliknya orang dewasa, ibu

bapa, guru, masyarakat, kerajaan dan pemimpin yang perlu berganding bahu dalam memberikan kasih sayang dan mendidik kanak-kanak tanpa mengira keadaan mereka.

Pesan Imam al-Ghazali: "Anak-anak adalah amanah atas ibu bapa. Jika sudah terbiasa dengan perkara kebaikan, anak itu akan membesar dalam kebaikan dan biasa dengannya. Sebaliknya, jika dibesarkan dalam suasana tidak baik dan diperlakukan seperti haiwan, menderitalah dia dan binasa. Dosa juga akan ditimpakan ke atas orang yang dipertanggungjawabkan itu".





TAJUK : BAPA MENGAKU SALAH ABAI EMPAT ANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan mengabaikan kanak-kanak.

## Bapa mengaku salah abai empat anak

**Ipoh:** Seorang bapa mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mengabaikan empat anaknya berusia antara 10 bulan hingga 11 tahun, bulan lalu.

Tertuduh berusia 33 tahun mengangku faham dan membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan pengabaian terhadap tiga anak lelaki berusia 11 tahun, tiga tahun dan 10 bulan serta seorang lagi anak perempuan berusia enam tahun, pada jam 10.44 pagi di hadapan Kompleks Pejabat dan Kuarters

Kerajaan di Kampung Gajah, 23 November lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 33(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pengangku itu juga berdepan hukuman mengikut subseksyen akta sama yang boleh dikenakan hukuman melaksanakan khidmat masyarakat minimum 36 jam dan maksimum 240 jam secara agregat yang mesti dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah dan tertakluk kepada sebarang syarat yang ditetapkan

oleh mahkamah.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Evangelin Simon Silvaraj, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

**Mahkamah menetapkan 6 Februari tahun hadapan sebagai sebutan semula kes sementara lantikan peguam.**

Terdahulu, media melaporkan empat beradik ditinggalkan di depan bangunan kerajaan berkenaan bersama satu bungkusan plastik berisi susu dan lampin pakai buang.

Bagaimanapun, dua individu dipercayai ibu bapa kepada kanak-kanak malang itu ditahan dalam tangkapan berasingan selepas polis menerima laporan daripada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kampung Gajah.

**Mahkamah tetapkan 6 Februari tahun hadapan sebagai sebutan semula kes**



TAJUK : DIDAKWA CABUL ENAM PELAJAR

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## LELAKI MOHON DIBICARAKAN

# Didakwa cabul enam pelajar

**Kota Samarahan:** Seorang pembantu pengurusan murid di sebuah sekolah di Serian didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Samarahan, semalam atas enam pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua murid lelaki dan empat murid perempuan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah berkenaan.

Tertuduh, Johnnatan Douglas Mang, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Shafiza Abdul Razak Tready.

Shafiza kemudiannya menetapkan 8 Januari tahun depan sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.

Beliau juga membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi setiap pertuduhan dengan dua penjamin tempatan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terha-



JOHNNATAN mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Samarahan, semalam atas enam pertuduhan amang seksual.  
- Gambar NSTP/NADIM BOKHARI BOKHARI

dap dua murid lelaki berusia 12 dan 13 tahun dengan menyentuh kemaluan mereka di kelas PPKI

sekolah terbabit.

Tiga lagi pertuduhan membabitkan murid perempuan berusia 11, 13 dan

### » INFO

Tertuduh dibenarkan diikat jamin RM8,000 bagi setiap pertuduhan dengan dua penjamin tempatan.

14 tahun di lokasi sama.

Manakala satu lagi pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual ke atas seorang murid perempuan berusia 14 tahun.

Dia dituduh mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama dengan Seksyen 16 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Muhtalib Mohamad Shariff manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK :	KIRWAS: 628 TO RECEIVE RM500 ONE-OFF AID THIS YEAR - FATIMAH		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	2 DIS 2023	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# KIRWaS: 628 to receive RM500 one-off aid this year — Fatimah

Jude Toyat

**KUCHING:** A total of 590 individuals have benefitted from the one-off cash assistance grant of RM500 each under the Bantuan Ketua Isi Rumah Wanita Sarawak (KIRWaS) in 2022, while another 628 are slated to receive the same support this year.

Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah said over a six-month period last year, it was found that an impressive 81 per cent of the recipients had successfully earned incomes that surpassed the Poverty Line Income (PLI).

"This marks a substantial step towards the ministry's overarching goal of lifting individuals out of poverty and fostering self-sufficiency.

"This is what we want – to move individuals and families out of poverty initially, providing them with the means to stand on their own feet and then progress further," she said in her speech for the 'Parallel Workshop Session: Challenges and Opportunities of Women Empowerment in Business', held Thursday at Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) in conjunction with the Global Muslim Business Forum (GMBF) 2023.

Adding on, she said the cash assistance grant would serve as additional business capital for household heads, single mothers and entrepreneurs



Fatimah (seated, left) joins other panellists during the session.

from the B40 group who would often face challenges in obtaining grants due to stringent conditions such as the requirement for a licence and a dedicated premises.

In her ministerial winding-up speech during the just-concluded State Legislative Assembly sitting, Fatimah had also disclosed that the assistance would continue next year with an allocation of RM300,000 to empower 600 women entrepreneurs.

On a related matter, she said under the Post Covid-19 Development Strategy 2030, the Sarawak government was promoting social inclusivity through extensive social programmes, targeted interventions, and community support.

"One of the primary goals is to uplift and empower 20,000 poor households, lifting them out of poverty by aiming for an average monthly income of RM2,150, which is the new poverty line index.

"This not only addresses immediate financial challenges but also contributes to building a more inclusive and resilient societal fabric in the post-pandemic landscape.

"Hence, our goal is simple yet profound, to equip women and families with the skills, knowledge, and assistance they need to not only survive but thrive in the entrepreneurial landscape."

For this, Fatimah said her ministry through the Department of Women and Family and the

Department of Welfare Sarawak had implemented a multi-faceted approach combining skills training, digital literacy, and financial support.

"I am also pleased to share that through the Women Skills Training capacity building programme, we have successfully trained 7,210 Sarawakian women, with 43 per cent bravely venturing into entrepreneurship and cultivating sustainable income.

"Under our ministry, we don't look at race or religion, but we prioritise helping people in Sarawak based on their needs. This is what we meant by inclusivity – no one should be left behind, and we will continue to promote peace, and achieving prosperity," she added.



TAJUK :	SCHOOL ASSISTANT CLAIMS TRIAL TO SEXUAL ASSAULT		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	2 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

# School assistant claims trial to sexual assault

Jude Toyat

**KUCHING:** A school assistant claimed trial in the Kota Samarahan Sessions Court here yesterday to six charges of sexually assaulting six pupils with special needs (OKU).

The 43-year-old man from Sebuyau was charged under Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which is punishable under Section 14 of the same Act and read together with Section 16 of the same Act.

The Section provides for an imprisonment term not exceeding 20 years and liable to whipping, upon conviction.

Based on the charges, the school assistant allegedly committed sexual assault on four girls and two boys, aged between 11 and 14, in several separate incidents occurring between March and November this year, at a primary school in Serian.

It is said that he had touched the private parts of the pupils who were among those with learning difficulties, physical problems and autism.

Earlier, deputy public prosecutor Mohamad Aiman Mutalib Mohamad Shariff requested for a new date to be



The accused being led out of the courtroom.

set for case management as the accused pleaded not guilty.

Judge Shafiza Datu Abdul Razak Tready allowed the application and set Jan 8 next year for case management.


The judge also allowed the accused to be released on RM8,000 bail with two local sureties for each charge pending the date.

In a separate case, another teacher of a secondary school in Serian was released on police bail

after an application to extend his remand was rejected by Judge Shafiza yesterday.

The 48-year-old man had been on remand from Nov 23 to Dec 1 this year, to facilitate investigations into a sexual assault case at the school, involving three male students aged between 14 and 15 years.

The accused was represented by Lawyer Shankar Ram and Yu Ying Ying.



TAJUK : DAD PLEADS GUILTY TO ABANDONING HIS FOUR KIDS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Dad pleads guilty to abandoning his four kids

**IPOH:** The father of four siblings found abandoned in front of a guardhouse last week has pleaded guilty at the Sessions Court here to charges of neglecting his children.

The 33-year-old was accused of neglecting his four children, aged 10 months to 11 years, in front of the Perak Tengah District Administrative Complex in Kampung Gajah at 10.44am on Nov 23.

The charge under Section 33 (a) of the Child Act 2001 provides for up to five years' jail or a maximum fine of RM20,000, or both, upon conviction, reported Bernama.


Judge Azizah Ahmad fixed Feb 6 for sentencing to allow the accused to appoint a lawyer.

Deputy public prosecutor Evangelin Simon Silvaraj did not offer any bail.

On Monday, police arrested two people, believed to be the parents of the four siblings, after a staff member of the Kampung Gajah Social Welfare Department lodged a report about the incident.

The siblings are three boys aged 11 years, three years and 10 months and a six-year-old girl.

Perak Tengah OCPD Supt Hafezul Helmi Hamzah said the siblings were believed to have been abandoned by an unknown woman, who sped off in a car.



TAJUK :	BMC SEDIA 'PETI PERLINDUNGAN BAYI,' PANDANG SERIUS ISU PEMBUANGAN BAYI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	2 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## BMC sedia 'peti perlindungan bayi,' pandang serius isu pembuangan bayi

**KUCHING:** Borneo Medical Centre Kuching (BMC) memaklumkan pihaknya menyediakan 'peti perlindungan bayi' atau lebih dikenali sebagai 'baby hatch' yang terletak di penjuru luar bilik kecemasan hospital tersebut.

BMC menerusi kenyataan semalam berkata, kawasan tersebut adalah tersembunyi, tiada pengawasan kameralitar tertutup (CCTV) dan menerusinya, identiti ibu bapa bayi tidak akan diketahui.

Jelasnya, ia merupakan cara yang lebih baik dan

selamat untuk ibu dan bayi, selain membolehkan bayi menerima penjagaan, rawatan dan perhatian perubatan yang sewajarnya.

"BMC (Kuching) memandang serius isu pembuangan bayi yang terjadi baru-baru ini dan menentang tindakan pembuangan bayi ini dengan tegas. Kami percaya bahawa setiap anak berhak mendapatkan penjagaan yang selamat.

"Kami komited untuk memberikan sokongan kepada ibu bapa yang menghadapi situasi sukar ini dengan menyediakan

peti perlindungan bayi," katanya menerusi kenyataan tersebut.

BMC dalam pada itu menggesa masyarakat untuk bekerjasama menangani masalah pembuangan bayi dengan menyebarkan maklumat mengenai servis 'peti perlindungan bayi' yang tersedia secara meluas dalam komuniti.

Hal ini supaya masalah pembuangan dan pengabaihan bayi secara berleluasa dapat ditangani, ujarnya.

Dalam pada itu, BMC menyuarakan komitmennya untuk bekerjasama dengan

kerajaan dan masyarakat dalam mengatasi masalah pembuangan bayi.

"Hal ini supaya kita dapat memberi keselamatan serta kesejahteraan kepada semua kanak-kanak. Kami yakin setiap anak berhak untuk mendapatkan kehidupan yang penuh kasih sayang, sokongan dan peluang," katanya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi BMC Kuching menerusi talian +6082507333 atau layari laman web [www.borneomedicalcentre.com](http://www.borneomedicalcentre.com).



TAJUK :	PEMBANTU PENGURUSAN MURID TIDAK MENGAKU AMANG SEKSUAL ENAM PELAHAR OKU DI SERIAN		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	2 DIS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Pembantu pengurusan murid tidak mengaku amang seksual enam pelajar OKU di Serian

**KUCHING:** Seorang pembantu pengurusan murid di sebuah sekolah pendidikan khas di Serian mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Samarahan semalam atas enam pertuduhan melakukan amang seksual terhadap enam pelajar kurang upaya (OKU).

Hakim Shafiza Datu Abdul Razak Tready memerintahkan lelaki berusia 43 tahun itu untuk dibebaskan dengan ikat jamin RM8,000 berserta dua penjamin tempatan bagi setiap pertuduhan yang dihadapinya, selain menetapkan pengurusan kes pada 8 Januari 2024.

Tertuduh berhadapan enam pertuduhan, kesemuanya dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta sama, dan dibaca bersama Seksyen 16 Akta sama.

Seksyen 14 SOACA 2017



**MENGAKU TIDAK BERSALAH:** Tertuduh (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kota Samarahan selepas selesai prosiding semalam.

memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh disebat, sementara Seksyen 16 SOACA 2017 membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh disebat tidak kurang daripada dua sebatan jika sabit kesalahan.

Mengikut kesemua pertudu-

han, lelaki itu didakwa melakukan serangan seksual fizikal untuk tujuan seksual terhadap empat pelajar perempuan dan dua pelajar lelaki berusia antara 11 dan 14 tahun, dalam beberapa kejadian berasingan antara Mac dan November 2023 di sebuah sekolah pendidikan khas di Serian.


Difahamkan, kesemua mangsa adalah kanak-kanak OKU seperti mengalami masalah pembelajaran, masalah fizikal dan autisme.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu dalam kes berasingan, seorang guru penyelaras pengawas di sebuah sekolah menengah di Serian dibebaskan dengan jaminan polis selepas permohonan untuk lanjutan reman suspek ditolak oleh Hakim Shafiza semalam.

Terdahulu, suspek berusia 48 tahun itu ditahan reman pada 23 November hingga 1 Disember bagi membantu siasatan kes amang seksual di sekolah tersebut, membabitkan tiga murid lelaki berusia antara 14 dan 15 tahun.

Suspek diwakili Peguam Shankar Ram dan Yu Ying Ying.



TAJUK : SARAWAK AKAN LATIH LEBIH RAMAI JURUTERAPI PERTUTURAN: FATIMAH

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 2 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



**UNTUK ALBUM:** Fatimah (duduk tengah) merakamkan gambar bersama yang lain selesai Mesyuarat Jawatankuasa OSEIC Sarawak semalam.

## Sarawak akan latih lebih ramai juruterapi pertuturan: Fatimah

**KUCHING:** Sarawak akan melatih lebih ramai juruterapi pertuturan dengan kerjasama Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak (Swinburne Sarawak) bagi mengatasi masalah kekurangan juruterapi pertuturan di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, beliau telah memaklumkan perkara itu kepada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan secara dasarnya Premier bersetuju untuk Sarawak melatih lebih ramai juruterapi pertuturan.

“Di seluruh Malaysia ada masalah kekurangan juruterapi pertuturan kerana pengambilan bagi kursus ini adalah sangat terhad iaitu 20 atau 25 orang sahaja setahun di Universiti Sains Malaysia (USM).

“Jadi isu ini sudah dimaklumkan kepada Premier dan secara

dasarnya beliau setuju untuk kita melatih lebih ramai juruterapi pertuturan dengan bekerja bersama dengan Universiti Swinburne sebagai penyedia perkhidmatan atau latihan,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas memengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pusat Sehenti Intervensi Awal (OSEIC) Sarawak di Bilik Mesyuarat OSEIC Sarawak di sini, semalam.

Ujar Fatimah, perbincangan lanjut diperlukan dengan Swinburne Sarawak mengenai bagaimana latihan itu akan diberikan untuk mengisi kekurangan juruterapi pertuturan yang sangat mendesak termasuk di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) serta pusat-pusat lain.

“Di OSEIC ini sendiri kita tidak punyai juruterapi pertuturan meskipun statistik menunjukkan lebih 100 kanak-kanak di pusat ini adalah dari kalangan mereka

yang mempunyai masalah lambat bertutur,” katanya.

Fatimah juga berkata, juruterapi pertuturan ini sangat diperlukan kerana masalah lambat bertutur antara yang kritikal pada masa ini.

Mengenai pengoperasian OSEIC Kuching di Matang, ia kata Fatimah merupakan yang pertama di Sarawak dibuka pada 2020 dan kini mempunyai seramai 476 kanak-kanak.

Selain OSEIC Kuching, terdapat sebuah lagi OSEIC di Dalat dan akan datang OSEIC di Miri yang mana kini di peringkat pemilihan akhir lokasi yang akan diputuskan pada Januari tahun depan selepas lawatan tapak.

Bagi OSEIC di Kuching yang terletak di Metrocity secara spesifiknya, ia akan diperluaskan lagi dari segi kemudahan bilik latihan bagi membolehkan lebih ramai kanak-kanak berkeperluan khas diberi latihan sewajarnya di pusat tersebut.